

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : UCAPAN INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM) DI MAJLIS PEMBUKAAN
SIBKI 2
Lokasi : BILIK PERSIDANGAN TINGKAT 6, JABATAN PERDANA MENTERI
Tarikh : 30-01-1993

Perkembangan aliran pemikiran yang berbagai-bagai pada masa ini telah membawa umat Islam ke dalam arus hidup yang penuh dengan pergolakan dan pertentangan, sama ada pertentangan individu dan pertentangan kelompok dalam segala aspek. Pertentangan ini telah melahirkan pelbagai kelompok dengan sub-budaya masing-masing, dengan identiti masing-masing, yang bukan sahaja tidak sejalan malah saling bertentangan. Oleh itu, kefahaman tentang Islam haruslah disampaikan secara konkrit, konstruktif dan sistematis supaya corak hidup masyarakat akan lebih teratur dan segala konflik yang membawa kepada keburukan akan dapat dihindari. Ini sekaligus akan meningkatkan imej umat Islam di mata dunia.

Persoalan yang penting dan utama adalah setakat manakah persiapan umat Islam untuk mengurangkan salah persepsi orang-orang bukan Islam tentang Islam. Setiap yang memburukkan imej Islam itu perlulah dikaji supaya cara untuk memperbetulkan atau mengatasi masalah tersebut boleh diperolehi. Kita melihat ke dalam diri kita sendiri atau self reflection, dan menyoal apakah yang telah dilakukan oleh orang Islam selama ini yang memburukkan imej Islam, serta tindak tanduk orang-orang bukan Islam yang tidak mahu berlaku adil terhadap Islam.

Perbezaan pendapat adalah sihat jika ia membuka fikiran umat kepada pelbagai perspektif; ia juga merupakan latihan yang membina dan berkesan dalam memupuk ketajaman serta kehalusan daya fikiran. Dalam hadith riwayat Al Daylami, Rasulullah S.A.W. pernah bersabda yang bermaksud, "Sesungguhnya perbezaan pendapat para sahabatku adalah rahmat".

Masyarakat Islam di Malaysia pada keseluruhannya mempunyai sedikit sebanyak kesedaran mengenai Islam. Walaupun begitu orang Islam tidak boleh berpuas hati dengan apa yang dicapai. Tahap kefahaman masyarakat Islam tentang Islam perlu terus dipertingkatkan tanpa mengabaikan usaha untuk memberi kefahaman yang betul tentang Islam kepada masyarakat bukan Islam. Umat Islam tetap bertanggungjawab untuk menyampaikan mesej Islam yang betul. Orang Islam harus kreatif dalam penyampaian mesej Islam. Kajian perlu dibuat ke atas kumpulan sasaran supaya teknik penyampaian yang paling berkesan dapat dihasilkan.

Institut Kefahaman Islam Malaysia memberi fokus kepada perkara-perkara berikut: (i) antara ajaran Islam yang perlu diutamakan ialah mengenai konsep keadilan. Islam berasaskan keadilan. Tetapi apa yang berlaku ialah terdapat orang Islam sendiri melakukan pelbagai perbuatan yang tidak menggambarkan amalan keadilan. Oleh itu, kefahaman tentang konsep keadilan dalam Islam yang betul perlu diberi; (ii) perkara kedua ialah toleransi dalam Islam. Islam adalah agama toleransi. Pendekatan yang terlalu rigid dan keras ataupun ketiadaan tolak ansur tidak sesuai dengan ajaran Islam. Lebih-lebih lagi dalam keadaan di negara kita, di mana kita mempunyai rakyat yang terdiri dari berbagai kaum, agama dan adat tradisi. Toleransi tidak bermakna mengambil sikap apologetic tetapi toleransi dalam batasan-batasan yang digariskan dengan jelas oleh Islam; (iii) perkara ketiga ialah moral dan akhlak. Dikala negara-negara maju di dunia sedang menghadapi masalah keruntuhan moral, sebenarnya orang-orang Islam mempunyai peluang yang istimewa untuk menunjukkan kemurniaan dan ketinggian etika dan moral agama Islam. Ini bermakna orang-orang Islam sendiri perlu menjadi contoh yang baik dalam semua hal. Orang-orang Islam sendiri harus lebih dahulu memahami dan mempraktikkan prinsip-prinsip Islam yang sebenar. Dalam konteks ini, orang Islam perlu membuktikan kepada yang bukan Islam bahawa kita berupaya menegakkan nilai moral yang tinggi dan sekali gus mencapai kejayaan dan kemajuan yang baik dalam semua aspek kehidupan kita.

Bengkel ini yang bertemakan "Kefahaman Orang-orang Islam Tentang Islam dan Pembangunan Imej Islam" adalah dalam bentuk penyelesaian permasalahan atau problem solving yang melibatkan pertubuhan atau persatuan yang memainkan peranan penting dalam hal ehwal masyarakat. Rumusan-rumusan hasil daripada perbincangan pada hari ini akan menjadi bahan rujukan penting bagi

IKIM dan mana-mana pihak yang berkehendakkannya.

Fokus bengkel pada pagi ini ialah pada dua aspek iaitu Permasalahan Imej Islam di Dunia Moden dan "Rintangan ke arah Pengembangan Pemikiran Umat Islam yang Dinamik. Aspek pertama bertujuan meninjau kedudukan umat Islam di dunia pada masa kini. Perkara yang perlu disentuh adalah termasuk sejarah dunia dan hal ehwal semasa. Ini bertujuan untuk memahami dimanakah terletakinya kelemahan umat Islam dan bagaimana untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

Adalah perlu diakui bahawa imej Islam selalu dikaitkan dengan kedudukan dan keadaan umat Islam di dunia moden kerana tidak dapat dinafikan bahawa orang Islam telah dianggap sebagai cermin yang menggambarkan Islam. Aspek kedua pula ingin meninjau kemungkinan pembentukan semula pemikiran Islam atau reconstructive thinking demimenghayati dengan sepenuhnya konsep dynamism dalam Islam atau Islam agama yang dinamik. Ke arah mana aliran perkembangan intelektualisme Islam di Malaysia secara khusus harus ditumpukan kepada usaha membangun masyarakat Islam di Malaysia. Imej Islam akan dapat dinaikkan sekiranya umat Islam berjaya menampilkan diri sebagai umat yang maju dan berwibawa di samping berakhlak murni dan berbudi luhur.

Peninjauan permasalahan-permasalahan dalam kertaskerja sesi satu dan dua mungkin akan menimbulkan pelbagai perselisihan pendapat antara para hadirin sekalian. Tujuan Bengkel ini adalah untuk memadukan pendapat-pendapat yang bercanggah dan jika boleh menuju ke arah persefahaman bersama.